

# Mural tujuh Perdana Menteri

BH- 16/2/2020 p. 50

Tarikan baharu di Kuala Terengganu, dilakar di bangunan lama cetus tarikan kepada pelancong

**Kreatif**, unik dan sangat bermakna untuk sejarah negara umpama Gunung Rushmore di Amerika Syarikat!

Itu reaksi spontan kebanyakan pengunjung yang melihat mural potret wajah tujuh Perdana Menteri yang terpapar di bangunan Dewan Tunku Abdul Rahman di pusat bandar raya Kuala Terengganu, Terengganu.

Itu adalah sebahagian daripada projek Majlis Bandaraya Kuala

Terengganu (MBKT) yang menelan kos RM30,000 untuk mengindahkan dan menceriakan bangunan tertua di bandar raya itu agar lebih 'segar' dan menjadi daya tarikan pelancong ke bandar raya warisan pesisir air itu.

Mural berukuran 250 kaki persegi itu adalah hasil karya empat pelukis daripada Red Rebel Art Squad yang dianggotai empat anak jati Terengganu, iaitu Raja Badrudin Hakim Shah Raja Kamarul

Bahrin, 34; Wan Ansri Nizam Wan Ismail, 37; Zulkarnain Abd Latif, 40 dan Mohd Fahmi Abdullah Sani, 30.

Raja Badrudin Hakim Shah atau lebih mesra dikenali sebagai Ku Bad, berkata mereka mengambil masa 27 hari yang bermula 9 Januari sehingga 4 Februari lalu untuk menyiapkan mural istimewa tersebut.

"Projek ini, saya andaikan adalah seperti di Gunung Rushmore kerana

tujuannya sama iaitu melakar wajah pemimpin nombor satu negara cuma medium dan kaedah sahaja yang berbeza.

"Di Gunung Rushmore, arca wajah empat presiden Amerika Syarikat itu dihasilkan dengan kaedah ukir dan pahat sementara kami hanya melukis mural menggunakan cat yang berkualiti untuk mengabadikan wajah tujuh Perdana Menteri ini," katanya.

**Lihat muka 49**

